

Saifuddin nafi beri arahan, tak terbabit urusan kongres

Kuala Lumpur: Semua urusan berkaitan Kongres Nasional Angkatan Muda Keadilan (AMK) PKR, dikendalikan sayap parti itu dan tidak membabitkan pejabat Setiausaha Agung.

Perkara itu ditegaskan Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, yang menyatakan tidak timbul isu beliau membatalkan jemputan Timbalan Presiden, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, untuk merasmikan Kongres AMK.

Malah, pejabatnya atau beliau sendiri tidak mengeluarkan surat jemputan perasmian kepada Mohamed Azmin.

"Tidak timbul soal Setiausaha Agung PKR membatalkan jemputan, kerana Kongres Nasional AMK dikendalikan oleh AMK."

"Semua urusan dan perjalanan kongres adalah urusan AMK, termasuk siapa merasmikan dan hal berkaitan yang diuruskan oleh AMK," katanya kepada BH, semalam.

Beliau ditanya mengenai tindakan 21 daripada 25 ahli Pimpinan Pusat AMK PKR membantah keputusan parti itu membatalkan jemputan kepada Mohamed Azmin, bagi merasmikan Kongres Nasional sayap itu di Melaka, 6 Disember depan.

Bantahan itu dinyatakan melalui kenyataan bersama mereka diketuai Timbalan Ketua AMK, Hilman Idham, semalam.



Tidak timbul soal Setiausaha Agung PKR batalkan jemputan, kerana Kongres Nasional AMK dikendalikan oleh AMK. Semua urusan dan perjalanan kongres adalah urusan AMK, termasuk siapa merasmikan.

**Saifuddin Nasution Ismail,
Setiausaha Agung PKR**